

Dr Mohd Khairi dilantik CEO ISN

Kuala Lumpur: Pengasas Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Khairi Zawi (**gambar**) dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Sukan Negara (ISN) yang baharu, berkuat kuasa 15 Januari ini.

Pelantikan itu diumumkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi satu kenyataan media di sini, semalam.

Jawatan itu sebelumnya disandang oleh Datuk Dr Ramlan Abd Aziz sejak tahun 2013.

Mohd Khairi, 52, yang kini berkhidmat sebagai Ketua Program Siswazah (Doktor Falsafah) Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mempunyai kelulu-

san PhD pengkhususan dalam bidang Kemahiran Motor dan Biomekanik Sukan.

Model Sukan Baharu

Warga negara Malaysia kelahiran Singapura itu pernah berkhidmat selama 17 tahun di UPM dan turut mengasaskan Jabatan Pengajian Sukan di Fakulti Pendidikan universiti itu.

Khairy berkata pemilihan itu dibuat adalah hasil daripada beberapa proses temu duga yang diadakan sebelum ini. "Beliau menunjukkan visi jelas untuk mentadbir ISN sebagai institut yang bakal menjadikan sains dan perubatan sukan sebagai elemen teras dalam pembangunan sukan berpres-

tasi tinggi di Malaysia seperti yang diterap dalam Model Sukan Baharu.

"Segala langkah ini diharap dapat memperkemas tadbir urus sukan di negara ini sekali gus menggerakkan satu budaya sukan berprestasi tinggi berteraskan sains dan perubatan sukan," katanya.

Program Podium

Mengenai kedudukan Ramlan, Khairy berkata beliau akan terus berkhidmat di kementerian sebagai penasihat

menteri dan selaku pakar rujuk perubatan sukan.

Katanya, langkah ini dapat memberi pengkhususan kepada beliau untuk menumpu dalam penyelidikan bidang perubatan dan sains sukan sebagai satu daripada cabang utama Program Podium.

"Segala langkah ini diharap dapat memperkemas tadbir urus sukan di negara ini sekali gus menggerakkan satu budaya sukan berprestasi tinggi berteraskan sains dan perubatan sukan," katanya.

